TAJUK: WANITA HAID DAN TAWAF WADA'

Penulis: Abida binti Dahalan

1.0 MUQADDIMAH

Segala puji bagi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang telah memberikan rahmat dan pertolongan-Nya untuk kita menjalani kehidupan sebagai hamba-Nya yang taat kepada perintah-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia, Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam* dan seluruh ahli keluarga Baginda serta para sahabat seluruhnya.

Dalam perlaksaan ibadah haji atau umrah, selain melaksanakan rukun-rukun dan perkara-perkara wajib dalam haji, salah satu perkara yang wajib dilakukan oleh jamaah haji atau umrah adalah melaksanakan Tawaf Wada'. Tawaf Wada' mempunyai kedudukan yang penting dalam syarak sebagai adab dan peangagungan terhadap Baitullah yang menjadi kiblat umat Islam seluruh dunia. Kepentingan melaksanakan Tawaf Wada' antaranya sebagai tanda kesyukuran atas nikmat yang Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kurniakan dalam menyempurnakan ibadah haji atau umrah, di samping setiap amalan dalam ibadah haji dan umrah, amat memberi kesan ke dalam hati dan ruhani orang yang mengerjakannya. Tawaf Wada' merupakan pekerjaan terakhir sebelum meninggalkan Makkah dan tuntutan ini bersifat segera kepada sesiapa yang ingin meninggalkan Makkah secara umum.

Oleh kerana tuntutan Tawaf Wada bersifat segera, maka timbul beberapa permasalahan berkaitan dengan wanita haid atau nifas yang mana masa sucinya tidak boleh dipaksakan. Tujuan artikel ini ditulis, adalah untuk merungkai permasalahan ini dengan merujuk kepada perbahasan-perbahasan para ulama menurut mazhab-mazhab yang empat.

Semoga penulisan ini dapat menjadi panduan dan memberi manfaat kepada penulis, para pembaca dan seluruh umat Islam khususnya dalam memahami hal-hal berkaitan hukum Tawaf Wada' terhadap wanita haid atau nifas. Semoga usaha ini mendapat pandangan dan keberkahan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Amin.

2.0 DEFINISI DAN KEDUDUKAN TAWAF WADA'

2.1 Takrif Menurut Bahasa dan Istilah

Tawaf diambil daripada perkataan "طاف" bermaksud perbuatan mengelilingi. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Tawaf bermaksud mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali dengan syarat tertentu sambil berdoa (bukan bagi orang yang mengerjakan haji dan umrah). Tawaf juga bermaksud, pekerjaan yang berhubung dengan haji dan umrah. Dalam *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah*, Tawaf secara bahasa bermaksud berputar mengelilingi sesuatu. Sementara menurut istilah syarak Tawaf bermaksud berputar mengelilingi Kaabah. Perkataan *Wada'* pula bermaksud selamat tinggal atau perpisahan. Menurut *Ensiklopedia Bebas,* istilah Tawaf bermaksud mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali bermula dari sudut Hajarul Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syaratnya. Tawaf adalah salah satu pekerjaan ibadah yang dilakukan oleh orang Islam dan hanya dilakukan di Masjidil Haram Mekah.

Oleh itu, Tawaf Wada' boleh disebut Tawaf Perpisahan atau Tawaf selamat Tinggal. Tawaf Wada' juga disebut sebagai *Tawaf al-Sadar* menurut al-Imam al-Nawawi di dalam *al-Majmu'* dan al-Imam al-Sarakhsiy dalam *al-Mabsut*:

وَأَمَّا طَوَافُ الْوَدَاعِ فَيُقَالُ لَهُ أَيْضًا طواف الصدر[1]

Adapun Tawaf al-Wada', maka ia disebut juga dengan nama Tawaf al-Sadar

وَالطَّوَافُ الثَّالِثُ طَوَافُ الصَّدَرِ[2]

Jenis tawaf yang ketiga adalah Tawaf al-Sadar (Tawaf al-Wada')

Dalam *al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah* juga, Tawaf Wada' bermaksud pekerjaan tawaf yang terakhir dilakukan kerana ingin pulang ke negara masing-masing bagi yang bukan penduduk Makkah.

---

[1] النووي؛ *المجموع شرح المهذب*، جزء 1، ص12

[2] أبو بكر السرخسي؛ *المبسوط*، جزء 4، ص 34

طواف الوداع ويسم أيضا بطواف الصدر، وهو الذي يطوفه الحاج بعد رمي جمرة العقبة
الحرم إلى دياره ويكون آخر عهده بالبيت.

Kesimpulannya, Tawaf Wada' menurut adalah tawaf yang dilakukan oleh orang yang ingin meninggalkan Makkah samaada dia adalah penduduk Makkah sendiri atau bukan, sebagai bentuk pengagungan dan penghormatan kepada Baitullah al-Haram.

2.2 Kedudukan Tawaf Wada' Dalam Konteks Haji dan Umrah

Tawaf Wada' atau "Tawaf Selamat Tinggal" atau "Tawaf Perpisahan" merupakan ibadah tawaf yang terakhir dilakukan bagi mereka yang sudah selesai mengerjakan manasik Haji atau Umrah, yang akan meninggalkan *Baitullah al-Haram*, baik untuk pulang ke negara masing-masing atau melakukan safar yang pendek atau panjang, sekalipun dia adalah penduduk Makkah sendiri.

إذا فرغ من الحج فأراد المقام لم يكلف طواف الوداع فإن أراد الخروج طاف للوداع وصلى ركعتي الطواف للوداع[3]

Apabila seseorang sudah selesai mengerjakan ibadah Haji kemudian dia ingin menetap di Makkah, maka dia tidak dibebankan untuk melakukan Tawaf al-Wada'. Jika dia ingin keluar dari Makkah, barulah dia melakukan Tawaf al-Wada' untuk meninggalkan Makkah dan solat sunat dua rakaat (setelahnya).

وَمَحَلُّ طَوَافِ الْوَدَاعِ عِنْدَ إِرَادَةِ السَّفَرِ مِنْ مَكَّةَ بَعْدَ قَضَاءِ مَنَاسِكِهِ كُلِّهَا[4]

Hukum berlakunya Tawaf al-Wada' adalah ketika seseorang hendak melakukan perjalanan safar dari Makkah setelah dia selesai melaksanakan kesemua manasik haji.

والسابع طواف الوداع عند إرادة الخروج من مكة لسفر، حاجا كان أو لا، طويلا كان السفر أو قصير[5]ا

Yang ketujuh adalah melakukan Tawaf al-Wada' ketika ingin keluar dari kota Makkah bagi melakukan perjalanan (safar) baik perjalanan haji atau bukan, baik perjalanan yang panjang atau pendek.

---

[3] الشيرازي؛ *المهذب في فقه الإمام الشافعي*، جزء 1، ص423

[4] النووي؛ *المجموع شرح المهذب*، جزء 1، ص12

[5] ابن قاسم؛ *فتح القريب المجيب*، ص153

3.0 DALIL-DALIL TAWAF WADA'

Sayyiduna Ibn 'Abbas *Radiyallah 'Anhuma* meriwayatkan hadis dari Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam* berkaitan Tawaf Wada':

كَانَ النَّاسُ يَنْصَرِفُونَ فِي كُلِّ وَجْهٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم: لاَ يَنْفِرَنَّ أَحَدٌ حَتَّى يَكُونَ آخِرُ عَهْدِهِ بِالْبَيْتِ[6]

Dahulunya orang ramai beredar mengikut haluan masing-masing (untuk meninggalkan Makkah). Lalu Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam bersabda: "Jangan sekali-kali seseorang daripada kamu meninggalkan Makkah sehinggalah dia menjadikan urusan terakhirnya (ketika melakukan haji atau umrah) dengan tawaf sekeliling kaabah (Tawaf Wada')"

Sayyiduna Ibn Umar *Radiyallah 'Anhuma* pula meriwayatkan daripada Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam*:

من حج فليكن آخر عهده بالبيت إلا الحيض، فإن رسول الله – صلى الله عليه وسلم – رخص لهن[7]

sesiapa yang mengerjakan haji di Baitullah ini, maka hendaklah dia menjadikan urusan terakhirnya (ketika melakukan haji atau umrah) dengan tawaf sekeliling kaabah (Tawaf Wada'), sesungguhnya Rasulullah telah memeberikan rukhsoh kepada wanita-wanita haid.

4.0 PENDAPAT MAZHAB-MAZHAB FIQH BERKENAAN TAWAF WADA'

Merujuk hadis tersebut, al-Imam Abu Ishaq al-Syirazi berpendapat hukum mengerjakan Tawaf Wada' terbahagi kepada dua. Pendapat pertama adalah wajib kepada semua orang baik lelaki atau perempuan berdasarkan zahir hadis tersebut. Bermaksud, seseorang yang meninggalkannya wajib membayar dam. Pendapat kedua adalah tidak wajib kerana terdapat hadis lain yang membenarkan wanita haid meninggalkannya.

---

[6] رواه المسلم (رقم 3198)، وأبو داود (رقم 2002)

[7] رواه ابن خزيمة (رقم 3001)

وهل يجب طواف الوداع أم لا؟ فيه قولان: أحدهما أنه يجب لما روى ابن عباس رضي الله عنهما أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "لا ينفر أحد حتى يكون آخر عهده بالبيت" والثاني لا يجب لأنه لو وجب لم يجز للحائض تركه. فإن قلنا إنه واجب وجب بتركه الدم لقوله صلى الله عليه وسلم: "من ترك نسكاً فعليه دم" وإن قلنا لا يجب لم يجب بتركه دم لأنه سنة فلا يجب بتركه دم كسائر سنن الحج[8]

Adakah wajib melakukan Tawaf Wada' atau tidak? Dalam masalah ini terdapat dua pendapat ulama. Pertama, Tawaf Wada' adalah wajib berdasarkan riwayat hadis Sayyidina Ibn 'Abbas bahawa Nabi bersabda: Jangan sekali-kali seseorang daripada kamu meninggalkan Makkah sehinggalah dia menjadikan urusan terakhirnya (ketika melakukan haji atau umrah) dengan tawaf sekeliling kaabah (Tawaf Wada`)". Pendapat kedua, tidak wajib kerana senadainya hukumnya wajib, pasti wanita haidpun tidak boleh meninggalkannya. Oleh itu, jika kita katakan Tawaf Wada' itu wajib, maka wajib membayar dam bila meninggalkannya berdasarkan sabda Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam, "siapa yang meninggalkan ibadah manasik, maka wajib ke atasnya dam". Sementara, jika kita katakan tidak wajib, maka tidak wajib pula membayar dam jika meninggalkannya kerana hukumnya adalah sunat. Tidak ada kewajipan membayar dam seperti meninggalkan sunnah-sunnah haji yang lain.

Begitu juga, al-Imam al-Nawawi menyebutkan di dalam *al-Idoh*, hukum Tawaf Wada' ada dua. Pendapat *Asah*, adalah wajib dan wajib membayar dam bagi yang meninggalkannya. Sementara pendapat kedua, adalah sunat dan sunat bagi yang meninggalkannya membayar dam. al-Imam Nawawi juga menyebutkan, bahawa orang meninggalkan Tawaf Wada' sedangkan dia termasuk orang wajib mengerjakannya, maka dia telah bermaksiat, yakni berdosa.

هذا الطواف واجب على أصح القولين، يجب بتركه دم، والقول الثاني: أنه مستحب، يستحب بتركه دم[9]

Tawaf Wada' ini hukumnya wajib menurut pendapat Asah. Wajib dam bagi yang meninggalkannya. Dan pendapat kedua: hukumnya Sunat, yakni Sunat dam bagi yang meninggalkannya.

---

[8] المهذب، جزء 1، ص423

[9] الإيضاح

فمن وجب عليه طواف الوداع فخرج بلا وداع عصى[10]

Orang yang Tawaf Wada' wajib ke atasnya, lalu dia keluar meninggalkan Makkah tanpa melakukanya, maka dia telah bermaksiat (berdosa)

Di sisi ulama Hanafiyah, Tawaf Wada' adalah wajib kerana terdapat kalimat yang menunjukkan perintah di dalam hadis Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam*. Dan perintah itu menunjukkan hukum wajib dalam *istinbat* dan *istidlal* mazhab Hanafi.

وَالطَّوَافُ الثَّالِثُ طَوَافُ الصَّدَرِ، وَهُوَ وَاجِبٌ عِنْدَنَا... وَلَنَا فِي ذَلِكَ قَوْلُ رَسُولِ اللهِ صلى الله عليه وسلم: "مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلْيَكُنْ آخِرُ عَهْدِهِ بِالْبَيْتِ الطَّوَافَ"، وَرَخَّصَ لِلنِّسَاءِ الْحُيَّضِ، وَالْأَمْرُ دَلِيلُ الْوُجُوبِ، وَتَخْصِيصُ الْحَائِضِ بِرُخْصَةِ التَّرْكِ دَلِيل عَلَى الْوُجُوبِ أَيْضًا[11]

Tawaf yang ketiga adalah Tawaf al-Sadar (Tawaf Wada') dan hukumnya wajib menurut mazhab kami (Hanafiyah) ... dan hujah kami pada kewajipan tersebut, adalah sabda Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam, "sesiapa yang mengerjakan haji di Baitullah ini, maka hendaklah dia menjadikan urusan terakhirnya (ketika melakukan haji atau umrah) dengan tawaf sekeliling kaabah (Tawaf Wada`)". Baginda memberikan keringanan kepada wanita yang haid. Perintah (yang terdapat hadis) adalah dalil wajib (Tawaf Wada') dan takhsis kepada wanita haid dengan diberi keringanan meninggalkan Tawaf aWada' juga adalah dalil yang menunjukkan kepada hukum wajib Tawaf Wada'.

Sementara di sisi ulama Malikiyah, hukum Tawaf Wada' adalah sunat (مندوب) dengan alasan ia tidak diwajibkan kepada wanita yang haid dan nifas. Sekiranya hukumnya wajib, pastilah Tawaf Wada' juga diwajibkan ke atas wanita yang haid dan nifas sepertimana wajib mengerjakan *Tawaf al-Ziyarah* (*Tawaf al-Ifadah*).

وأما طواف الوداع لمن أراد الخروج من مكة: فهو مندوب عند المالكية؛ لكل من خرج من مكة ولو كان مكياً؛ لأنه لا يجب على الحائض والنفساء، ولو كان واجباً لوجب عليهما كطواف الزيارة[12].

Adapun Tawaf Wada' bagi seseorang yang ingin keluar dari kota Makkah, maka hukumnya adalah disunatkan menurut Ulama Malikiyah; bagi setiap orang yang keluar dari kota Makkah walaupun dia adalah penduduk Makkah sendiri; oleh

---

[10] الإيضاح

[11] المبسوط، جزء 4، ص 35

[12] الزحيلي؛ *الفقه الإسلامي وأدلته*، جزء 3، ص 2206

kerana itu, Tawaf Wada' tidak wajib ke atas wanita haid dan nifas. Dan jika hukumnya wajib, pastilah wajib ke atas mereka berdua juga seperti wajib ke atas mereka berdua melaksanakan Tawaf Ziyarah.

Menurut ulama Hanabilah pula, hukumnya adalah wajib seperti yang dinyatakan oleh al-mam Ibn Qudamah dalam *al-Mughniy*,

وَطَوَافُ الْوَدَاعِ، وَاجِبٌ، يَنُوبُ عَنْهُ الدَّمُ إِذَا تَرَكَهُ. وَهَذَا قَالَ أَبُو حَنِيفَةَ، وَأَصْحَابُهُ، وَالثَّوْرِيُّ[13]

Tawaf Wada' adalah wajib. Jika meninggalkannya, maka dia ganti dengan membayar dam. Dan ini juga adalah pendapat al-Imam Abu Hanifah, Ulama Hanafiyah, dan al-Imam al-Tsauri -Rahimahumullah Ta'ala-

Secara globalnya, Jumhur ulama berpendapat hukum Tawaf Wada' adalah wajib ke atas setiap orang yang ingin meninggalkan *Masjidil Haram*, baik lelaki mahupun perempuan kecuali kepada wanita haid dan nifas. Maka meninggalkannya secara sengaja perlu kepada pembayaran dam atau gugur pembayaran dam jika dia berpatah balik ke Masjidil Haram dan mengerjakan Tawaf Wada'. Adapun kepada wanita haid dan nifas, syarak memberi keringanan hukum (*rukhsoh*) meninggalkan Tawaf Wada' dan tidak ada dam dengan alasan uzur syar'i.

[13] ابن قدامة؛ *المغني*، جزء 3، ص 393

5.0 KEDUDUKAN TAWAF WADA' SEBAGAI IBADAH TERSENDIRI

Tawaf Wada' tidak termasuk manasik Haji atau Umrah yang menentukan samaada manasik Haji atau Umrah seseorang itu sah atau tidak. Sebaliknya ia adalah suatu ibadah wajib yang tersendiri menurut pendapat yang *muktamad* dalam Mazhab Syafie seperti yang dinyatakan oleh al-Imam al-Nawawi, al-Imam al-Baghawi, al-Imam al-Rafie, al-Imam Abu Sa'id al-Mutawalli, al-Imam Abi Syuja' dan lain-lain.

(قوله: وطواف الوداع) .....، وقد علمت أن عده من واجبات الحج رأي ضعيف، والمعتمد أنه واجب مستقل[14].

Perkataan Mu'allif: (Tawaf al-Wada')..., sungguh aku yakini bahawa menganggapnya termasuk pekerjaan-pekerjaan wajib haji adalah pendapat yang lemah, sementara pendapat yang muktamad adalah bahawasanya Tawaf Wada' adalah pekerjaan wajib yang tersendiri.

اختلف أصحابنا في أن طواف الوداع من جملة مناسك الحج أم عبادة مستقلة ؟ فقال إمام الحرمين: هو من مناسك الحج، وليس على غير الحج طواف الوداع إذا خرج من مكة. وقال البغوي وأبو سعيد المتولي وغيرهما: ليس هو من المناسك، بل يؤمر به من أراد مفارقة مكة إلى مسافة تقصر فيها الصلاة سواء كان مكيا أو غير مكي. قال الامام أبو القاسم الرافعي: هذا الثاني هو الاصح، تعظيما للحرم، وتشبيها لاقتضاء خروجه للوداع باقتضاء دخوله للاحرام، ولانهم اتفقوا على أن من حج وأراد الاقامة بمكة لا وداع عليه، ولو كان من المناسك لعم الجميع.[15]

Ulama kami (Syafiiyah) berbeza pendapat dalam menentukan bahawasanya Tawaf Wada' termasuk daripada manasik haji atau ibadah yang tersendiri? Pendapat Imam al-Haramain, ia termasuk manasik haji, selain manasik haji tidak ada Tawaf Wada' sekiranya seseorang keluar daripada kota Makkah. al-Imam al-Baghawi, al-Imam Abu Sa'id al-Mutawalli dan yang lainnya berpendapat, Tawaf Wada' tidak termasuk manasik haji tetapi diperintahkan untuk melakukannya kepada seseorang yang ingin berpisah dari kota Makkah ke suatu perjalanan yang membolehkan dia meng-qasar solat, baik dia penduduk Makkah sendiri atau bukan. al-Imam Abu Qasim al-Rafi'e berpendapat, pendapat yang kedua ini adalah pendapat yang Asah, sebagai penghormatan kepada Masjidil Haram dan sebagai bentuk penyerupaan bagi perlaksanaan keluarnya dari Makkah (dengan

[14] أبو بكر الدمياطي؛ *حاشية إعانة الطالبين*، جزء 2، ص 346
[15] النووي؛ *الإيضاح*، ص 408

melakukan Tawaf Wada') dengan perlaksanaan masuknya ke Makkah dengan berihram (sebagai suatu bentuk pengagungan kepada Makkah). Kerana itu, mereka sepakat bahawa tidak ada Tawaf Wada' ke atas orang yang selesai mengerjakan haji dan ingin menetap di Makkah. Seandainya ia termasuk manasik haji, pasti Tawaf al-Wada' kena dilakukan yang walaupun dia menetap di Makkah setelahnya.

وأما طواف الوداع فهو واجب مستقل ليس من المناسك على المعتمد[16]

Adapun Tawaf Wada' maka ia adalah ibadah wajib yang tersendiri, yakni bukan bahagian daripada Manasik (Haji atau Umrah), menurut pendapat yang muktamad.

Oleh yang demikian, seseorang yang meninggalkan Tawaf Wada' tanpa uzur yang dibenarkan syarak, tidaklah merosakkan manasik Haji atau Umrahnya. Hanya saja perlu membayar dam menurut pendapat yang mengatakan hukumnya Wajib. Ini sesuai dengan pendapat al-Imam al-Syafie yang disebutkan di dalam kitab *al-Syafi*:

قال الشافعي: وفي أمر الرسول صلى الله عليه وسلم الحائض أن تنفر قبل أن تطوف طواف الوداع، دلالة على أن ترك طواف الوداع لا يفسد حجًّا.[17]

al-Imam al-Syafie berkata: terdapat dalam perintah Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam kepada wanita haid untuk beredar (meninggalkan Makkah) sebelum melakukan Tawaf Wada', ini merupakan dalil yang menunjukkan bahawa meninggalkan Tawaf Wada' tidak merosakkan manasik haji (secara umum).

---

[16] الشربيني؛ *الإقناع في حل ألفاظ أبي شجاع*

[17] ابن الأثير؛ *الشافي في شرح مسند الشافعي*، جزء 3، ص 503

6.0 HUKUM PEREMPUAN HAID DAN TAWAF WADA'

6.1 Dalil Pengecualian Wanita Haid

Sayyidina Ibn 'Abbas meriwayatkan hadis berkaitan wanita haid daripada Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam*:

أُمِرَ النَّاسُ أَنْ يَكُونَ آخِرُ عَهْدِهِمْ بِالْبَيْتِ إِلَّا أَنَّهُ خُفِّفَ عَنْ الْحَائِضِ[18]

"Manusia diperintahkan agar menjadikan urusan terakhir mereka (ketika melakukan haji atau umrah) dengan tawaf sekeliling kaabah, melainkan diberi keringanan kepada wanita yang sedang haid".

Begitu pula dalam sebuah hadis riwayat Sayyidatuna 'Aisyah, di mana Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam* membenarkan Sayyidatuna Safiyyah berangkat pulang dalam keadaan haid tanpa perlu mengerjakan Tawaf Wada'.

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وآله وَسَلَّمَ أَرَادَ مِن صَفِيَّةَ بَعْضَ مَا يُرِيدُ الرَّجُلُ مِن أَهْلِهِ، فَقَالُوا: إِنَّهَا حَائِضٌ يَا رَسُولَ اللهِ، قَالَ: وَإِنَّهَا لَحَابِسَتُنَا؟ فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّهَا قَدْ زَارَتْ يَوْمَ النَّحْرِ، قَالَ: فَلْتَنفِرْ مَعَكُمْ[19]

Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam ingin melakukan dengan Sayyidah Safiyyah apa yang seorang suami lakukan dengan isterinya. Mereka berkata: "Wahai Rasulullah, Safiyyah sedang haid". Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam bersabda: "Adakah dia akan menahan kita (daripada bergerak pulang)?" Mereka menjawab: "Wahai Rasulullah, dia telah melakukan tawaf pada Hari Nahr", Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam pun bersabda: "Jika begitu, biarkan dia meneruskan perjalanan bersama kalian"

[18] رواه البخاري (رقم 1755) ومسلم (رقم 3284)
[19] رواه مسلم (رقم 1211)

ذكر فيه حديث عائشة أَنَّهَا قَالَتْ لِرَسُولِ الله صلى الله عليه وسلم: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ صَفِيَّةَ بِنْتَ حُيَيٍّ قَدْ حَاضَتْ. قَالَ رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم: "لَعَلَّهَا تَحْبِسُنَا، أَلَمْ تَكُنْ طَافَتْ مَعَكُنَّ؟ ". فَقَالُوا: بَلَى. قَالَ: "فَأَخْرُجِي[20]."

Sayyidatuna Aisyah berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya Safiyyah sedang haid". Rasulullah Sallallah 'Alayh Wasallam bersabda: "mungkin saja dia akan menahan kita (daripada bergerak pulang). Adakah dia sudah mengerkajan Tawaf (Ifadah) bersama kalian?" Mereka menjawab: "Sudah Ya Rasulullah". Sabda Rasulullah:"Jika begitu, biarkan dia keluar (meneruskan perjalanan)"

ثم ذكر حديث ابن عباس: رُخِّصَ لِلْحَائِضِ أَنْ تَنْفِرَ إِذَا حَاضَتْ[21]. وقول ابن عباس: رخص للحائض أن تنفر، يعني: إذا طافت طواف الإفاضة، فإن لم تطفه فلا تنفر ولا حج لها.

Disebutkan hadis riwayat Sayyiduna Ibn 'Abbas: diberikan keringanan kepada wanita haid untuk berangkat pulang jika mereka kedatangan haid. Dan pendapat Sayyiduna Ibn 'Abbas tentang 'keringanan kepada wanita haid untuk berangkat pulang' bermaksud apabila wanita haid tersebut sudah melakukan Tawaf al-Ifadah. Oleh itu, jika dia belum melakukan Tawaf al-Ifadah, maka dia tidak boleh berangkat pulang (meninggalkan Makkah) dan tidak ada haji baginya.

Berdasarkan beberapa riwayat Hadis Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam* di atas, jelas bahawa terdapat keringanan (*rukhsoh*) yang diberikan kepada wanita yang haid untuk tidak mengerjakan Tawaf Wada'. Dan *rukhsoh* ini juga termasuk wanita yang dalam keadaan nifas.

6.2 Pandangan Mazhab-mazhab Fiqh

1. Mazhab Hanafi

Menurut Ulama Hanafiyah, wanita haid dan nifas mendapat *rukhsoh* meninggalkan Tawaf Wada' dan tidak perlu membayar dam berdasarkan hadis Rasulullah *Sallallah 'Alayh Wasallam* yang menyebutkan tentang *rukhsoh* tersebut secara jelas.

---

[20] رواه البخاري (رقم 328)
[21] رواه البخاري (رقم 329)

Pernyataan ini disebutkan oleh al-Imam al-Kasani dalam *Bada-'i al-Sona-'i* dan al-Imam Abdullah bin Mahmud al-Musili dalam *al-Ikhtiyar Li Ta'lil al-Mukhtar*,

فلا يجب على الحائض والنفساء حتى لا يجب عليهما الدم بالترك لما روى أن رسول الله صلى الله عليه وسلم رخص للحيض ترك هذا الطواف[22]

Tidak wajib ke atas wanita haid dan nifas, hingga tidak wajib dam ke atas mereka berdua dengan sebab meninggalkan Tawaf Wada' kerana terdapat hadis bahawasanya Rasulullah Sallallah 'Alayh Wa Sallam memberi rukhsoh kepada wanita haid meninggalkan Tawaf Wada' ini.

وإن حاضت بعد الوقوف وطواف الزيارة عادت ولا شيء عليها لطواف الصدر لأنه عليه الصلاة والسلام رخص للحيض في طواف الصدر[23]

Jika wanita haid setelah melakukan Wuquf, Tawaf Ziarah, maka dia boleh pulang dan tidak ada kewajipan ke atasnya melakukan Tawaf al-Sadar (Tawaf Wada') kerana Rasulullah Sallallah 'Alayh Wa Sallam memberikan rukhsoh kepada wanita haid dalam hal Tawaf Wada'.

2. Mazhab Maliki

Pandangan Ulama Malikiyah yang mengatakan Tawaf Wada' hukumnya sunat, maka bagi wanita haid atau nifas tidak ada permasalahan dalam meninggalkan Tawaf Wada' kerana haid atau nifas.

قُلْت لِابْنِ الْقَاسِمِ: مَا قَوْلُ مَالِكٍ فِي امْرَأَةٍ طَافَتْ طَوَافَ الْإِفَاضَةِ ثُمَّ حَاضَتْ، أَتَخْرُجُ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَطُوفَ طَوَافَ الْوَدَاعِ؟ قَالَ: نَعَم[24]

Aku bertanya kepada al-Imam Ibn al-Qasim: Apa pandangan Imam Malik pada masalah wanita yang sudah melaksanakan Tawaf Ifadah kemudian dia kedatangan haid, adakah dia boleh keluar (dari Makkah) sebelum dia melakukan Tawaf Wada'? Beliau menjawab: Ya, boleh.

---

[22] الكساني؛ *بدائع الصنائع*، جزء 2، ص 423

[23] عبد الله بن محمود الموصلي؛ *الاختيار لتعليل المختار*، جزء 1، ص 168

[24] الإمام مالك؛ *المدونة*، جزء 1، ص 493

3. Mazhab Syafie

al-Imam al-Ghazali menyatakan di dalam *al-Wasit*, seorang wanita apabila dia kedatangan haid maka dia diizinkan untuk beredar meninggalkan Makkah sebelum melakukan Tawaf Wada' dan tidak ada pembayaran dam ke atasnya.

وَالْمَرْأَة إِذا حَاضَت فَهِيَ مأذونة فِي النَّفر قبل الْوَدَاع وَلَا دم عَلَيْهَا[25]

Seorang wanita apabila dia kedatangan haid maka dia diizinkan untuk melakukan perjalanan sebelum melakukan Tawaf Wada' dan tidak dikenakan dam ke atasnya.

Namun, *rukhsoh* kepada wanita haid atau nifas ini dibatasi sampai masa sucinya dan perincian hukum tersebut akan dijelaskan sebentar lagi.

4. Mazhab Hanbali

Demikian juga pendapat al-Imam Ahmad yang dinukilkan dalam *al-Hidayah* dan pendapat al-Imam Ibn Qudamah dalam *al-Mughniy*.

وَطَوَافُ الوَدَاعِ وَاجِبٌ، فَمَنْ تَرَكَهُ فَعَلَيْهِ دَمٌ إِلاَّ الحَائِضَ، فَإِنَّهَا إِذَا خَرَجَتْ مِنْ مَكَّةَ وَهِيَ حَائِضٌ لَمْ يَلْزَمْهَا شَيءٌ [26]

Tawaf Wada' hukumnya wajib. sesiapa yang meninggalkannya, maka wajib membayar dam kecuali wanita haid, kerana jika dia keluar dari kota Makkah dalam keadaan haid maka tidak ada apa-apa yang wajib kepadanya (dam)

وَالْمَرْأَةُ إِذَا حَاضَتْ قَبْلَ أَنْ تُوَدِّعَ، خَرَجَتْ، وَلَا وَدَاعَ عَلَيْهَا، وَلَا فِدْيَةَ، هَذَا قَوْلُ عَامَّةِ فُقَهَاءِ الْأَمْصَارِ[27].

---

[25] الغزالي؛ *الوسيط في المذهب*؛ جزء 2، ص 673

[26] الكلوذاني؛ *الهداية على مذهب الإمام أبي عبد الله أحمد بن محمد بن حنبل الشيباني*، ص 197

[27] ابن قدامة؛ *المغني*، جزء 3، ص 406؛ الزركشي؛ شرح الزركشي، جزء 3

Wanita apabila dia haid sebelum melakukan Tawaf Wada', maka dia boleh keluar dan tidak ada kewajipan Tawaf Wada' ke atasnya, serta tidak dikenakan denda. Ini adalah pendapat umum ulama masa kini.

Oleh demikian ini, dapat difahami bahawa mengikut pendapat Jumhur ulama, seseorang wanita haid atau nifas boleh atau tidak mendapat keringanan hukum (*rukhsoh*) dalam mengerjakan Tawaf Wada' dalam tiga keadaan yang akan dijelaskan dalam tajuk berikutnya.

7.0 PERINCIAN SITUASI DAN *RUKHSOH* YANG DIBERIKAN

Batas *rukhsoh* seseorang wanita haid meninggalkan Tawaf Wada' ini disebutkan oleh al-Imam an-Nawawi di dalam *al-Idoh*, iaitu selama dia masih dalam keadaan haid atau nifas semasa meninggalkan kota Makkah, atau setelah dia suci dia belum melepasi batasan bangunan-bangunan kota Makkah. Begitu juga al-Imam Ibn Qudamah menyebutkan hal yang sama dalam *al-Mughniy*.

7.1 Haid Semasa di Makkah

Seseorang wanita yang berada dalam keadaan haid atau nifas, semasa di Makkah (sebelum meninggalkan Masjidil Haram) dan berterusan sehingga keluar dari batasan 2 marhalah. Maka, dia mendapat *rukhsoh* tidak wajib melakukan Tawaf Wada' dan tidak wajib membayar dam. Hal ini merujuk kepada hadis umum tentang pengecualian kepada wanita haid yang telah disebutkan sebelum ini.

7.2 Haid Kemudian Suci Sebelum Melepasi Bangunan-bangunan Makkah

Seseorang wanita yang berada dalam keadaan haid atau nifas semasa meninggalkan Masjidil Haram, kemudian suci sebelum melepasi bangunan-bangunan Makkah. Maka, dia tidak mendapat *rukhsoh*, dan wajib melakukan Tawaf Wada' atau wajib dam jika dia meninggalkannya.

وَلَوْ طَهُرَتْ النُّفَسَاءُ والْحَائِضُ فَإِنْ كَانَ قَبْلَ مُفَارَقَةِ بِنَاءِ مَكَّةَ لَزِمَهَا طَوَافُ الْوَدَاعِ لِزَوَالِ عُذْرِها[28].

Dan sekiranya wanita nifas dan haid telah suci, jika dia belum berpisah dengan bangunan Makkah, maka wajib kepadanya untuk melakukan Tawaf Wada' kerana keuzuran mengerjakannya sudah hilang.

[28] النووي؛ *الإيضاح*، ص 407

فإن طهرت قَبْلَ مفارقة البنيان لزمها العود للوداع[29]

Jika dia suci sebelum melepasi bangunan kota Makkah, maka wajib dia kembali ke Masjidil Haram untuk melakukan Tawaf Wada'.

فصل: وَإِذَا نَفَرْت الْحَائِضُ بِغَيْرِ وَدَاعٍ، فَطَهُرَتْ قَبْلَ مُفَارَقَةِ الْبُنْيَانِ، رَجَعَتْ فَاغْتَسَلَتْ وَوَدَّعَتْ؛ لِأَنَّهَا فِي حُكْمِ الْإِقَامَةِ، بِدَلِيلِ أَنَّهَا لَا تَسْتَبِيحُ الرُّخَصَ. فَإِنْ لَمْ يُمْكِنْهَا الْإِقَامَةُ، فَمَضَتْ، أَوْ مَضَتْ لِغَيْرِ عُذْرٍ، فَعَلَيْهَا دَمٌ. [30]

Fasal: Jika wanita haid beredar tanpa melakukan Tawaf Wada' kemudian dia suci sebelum melepasi bangunan kota Makkah, Maka dia wajib patah balik, mandi wajib, dan melakukan Tawaf Wada'; kerana dia dianggap masih bermukim, dengan dalil ini, dia tidak boleh mendapatkan rukhsoh untuk meninggalkan Tawaf Wada'. Maka, jika tidak memungkinkan dia untuk mukim di sana, kemudian dia terus berlalu pergi, atau dia (dianggap) pergi tanpa uzur, maka wajib ke atasnya dam.

7.3 Haid Kemudian Suci Selepas Melepasi Bangunan-bangunan Makkah

Seseorang wanita yang berada dalam keadaan haid atau nifas semasa meninggalkan Masjidil Haram, kemudian suci selepas melepasi bangunan-bangunan Makkah. Maka, dia mendapat *rukhsoh* tidak wajib melakukan Tawaf Wada'.

وَإِنْ كَانَ بَعْدَ مُفَارَقَةِ الْبِنَاءِ لَمْ يَلْزَمْهَا الْعَوْدُ[31].

Jika dia sudah melepasi bangunan Makkah, maka tidak wajib dia kembali untuk melakukan Tawaf Wada'

وإن طهرت بعد مفارقة البنيان لَمْ يلزمها العود، وَلَوْ كَانَ قبل مسافة القصر

---

[29] الإنصاف، جزء 4، ص 52

[30] ابن قدامة؛ *المغني*، جزء 3، ص 406؛ الزركشي؛ شرح الزركشي، جزء 3

[31] النووي؛ *الإيضاح*، ص 407

Jika dia suci setelah melepasi bangunan kota Makkah, dia tidak wajib kembali ke Masjidil Haram yang walaupun dia belum menempuh jarak Qasar solat

وَإِنْ فَارَقَتْ الْبُنْيَانَ، لَمْ يَجِبْ الرُّجُوعُ، إذَا كَانَتْ قَرِيبَةً، كَالْخَارِجِ مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ. قُلْنَا: هُنَاكَ تَرَكَ وَاجِبًا، فَلَمْ يَسْقُطْ بِخُرُوجِهِ، حَتَّى يَصِيرَ إلَى مَسَافَةِ الْقَصْرِ؛ لِأَنَّهُ يَكُونُ إنْشَاءَ سَفَرٍ طَوِيلٍ غَيْرِ الْأَوَّلِ، وَهَا هُنَا لَمْ يَكُنْ وَاجِبًا، وَلَا يَثْبُتُ وُجُوبُهُ ابْتِدَاءً إلَّا فِي حَقِّ مَنْ كَانَ مُقِيمًا[32]

Jika dia suci selepas melepasi bangunan kota Makkah, maka dia tak wajib berpatah balik. Kalau jaraknya masih dekat, maka hukumnya seperti orang yang keluar kota Makkah tanpa uzur. Kami katakan: Di sana, dia telah meninggalkan perkara yang wajib (Tawaf Wada'), maka tidak gugur kewajipan tersebut kepadanya dengan keluarnya dia dari Makkah (sebelum Tawaf Wada'), sehingga dia menempuh jarak 2 marhalah, kerana dia telah menempuh perjalanan yang panjang, tidak seperti keadaannya pada awalnya (mukim di Makkah), Maka di sini, dia tidak wajib berpatah balik untuk melaksanakan Tawaf Wada', dan tidak tsabit kewajibannya untuk memulakannya kecuali dia bermukim di Makkah

Demikian ini, jika keluarnya setelah suci dan melepasi bangunan Makkah dan belum melepasi jarak 2 marhalah, maka tidak wajib dia berpatah balik untuk Tawaf Wada' tetapi wajib bayar dam sahaja menurut ulama Hanabilah. Dan tetap gugur dam menurut ulama Syafiiyah.

[32] ابن قدامة؛ *المغني*، جزء 3، ص 406؛ الزركشي؛ شرح الزركشي، جزء 3

8.0 KESIMPULAN

Secara umumnya, hukum melaksanakan *Tawaf al-Wada'* adalah wajib menurut ulama Jumhur dan sunat menurut ulama Malikiyah, kepada semua golongan umat Islam yang selesai mengerjakan manasik haji dan umrah dan ingin keluar meninggalkan kota Makkah sebagai adab dan *takzim* kepada *Baitullah al-Haram* atas perpisahan tersebut.

Seperti yang sudah kita maklumi, tawaf wajib dilaksanakan dalam keadaan berwuduk yakni suci dari sebarang hadas dan kotoran. Maka menjadi suatu masalah kepada wanita yang haid atau nifas yang ingin meninggalkan Makkah dalam keadaan segera untuk melakukan Tawaf Wada'. Maka, di sana terdapat *rukhsoh* yang diberikan kepada kaum wanita yang haid atau nifas semasa ingin meninggalkan Makkah untuk tidak mengerjakan Tawaf Wada' dan tidak perlu membayar dam, dengan syarat hendaklah wanita yang haid atau nifas tersebut melepasi batasan bangunan Makkah dalam keadaan masih haid atau nifas yang walaupun masih belum melepasi jarak 2 marhalah menurut Mazhab Syafie. Hal ini demikian, kerana jika dia suci sebelum melepasi bangunan kota Makkah, maka dia tidak lagi mendapatkan *rukhsoh* meninggalkan Tawaf Wada' dan tidak membayar dam, bahkan menjadi wajib untuk dia kembali ke Masjidil Haram untuk menyempurnakan Tawaf Wada' atau dia wajib membayar dam jika dia tidak melakukannya.

Jelasnya, *rukhsoh* yang diberikan kepada wanita yang haid atau nifas di sini, bukanlah bersifat mutlak dan semahunya, tetapi bersyarat kerana yang menjadi sebab terhalangnya seseorang wanita daripada mengerjakan tawaf adalah hadasnya. Jika sudah suci dari hadas dan berada dalam jarak yang telah dinyatakan oleh para ulama, maka gugurlah *rukhsoh* tersebut ke atas dirinya dan hukumnya kembali seperti yang sudah dijelaskan sebelumnya. *Wallahu A'lam*.

9.0 RUJUKAN

Abu al-Hasan, Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi, *Sohih Muslim*, Juz 4, Beirut: Dar al-Jil.

al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, *Sohih al-Bukhari*, Juz 1, Uknknown: Dar Tuq al-Najat.

al-Dimyati; Abu Bakar bin Muhammad Syata, *Hasyiyah I'anah al-Tolibin*. Juz 2.

al-Ghazali; Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad, *al-Wasit fi al-Mazhab*, Kaherah: Dar al-Salam.

Ibn al-Athir; Abu al-Sa'adat, Majduddin, al-Mubarak bin Muhammad bin Muhammad, *al-Syafi fi Syarhi Musnad al-Syafi'e*, Juz 3, Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Ibn Khuzaimah; Abu Bakar, Muhammad bin Ishaq, *Sohih Ibn Khuzaimah*, Juz 2, unknown: al-Maktab al-Islami

Ibn al-Qasim; Muhammad bin Qasim bin Muhammad, *Fath al-Qarib al-Mujib fi Syarhi Alfazi al-Taqrib*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad, Muwaffiquddin, Abdullah bin Ahmad bin Muhamamd, *al-Mughniy*, Juz 3, Uknknown: Maktabah al-Qahirah.

al-Kalwazani; Abu al-Khitob, Mahfuz bin Ahmad bin al-Hasan, *al-Hidayah 'Ala Mazhab al-Imam Abi 'Abdillah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaybani*, Uknknown: Mu'assasah Gharas Li al-Nasyr Wa al-Tauzi'

al-Kasani, Abu Bakar bin Mas'ud, *Bada-i' al-Sona-i' Fi Tartib al-Syara-'i*, Juz 2, Uknknown.

al-Musili; Abdullah bin Mahmud, *al-Ikhtiyar Li Ta'lil al-Mukhtar*, Juz 1, Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyah

al-Nawawi; Abu Zakaria, Muhyiddin, Yahya bin Syaraf, *al-Idoh fi Manasik al-Hajj Wa al-Umroh*, Beirut: Dar al-Basya-ir al-Islamiyah.

al-Nawawi; Abu Zakaria, Muhyiddin, Yahya bin Syaraf, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Juz 8, Uknknown: Dar al-Fikr.

al-Sarakhsi; Abu Bakar, Muhammad bin Muhammad bin Sahl, *al-Mabsut*, Juz 4, Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-Sijistani, Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash'as bin Ishaq, *Sunan Abi Daud*, Juz 2, Beirut: al-Maktabah al-'Asriyah.

al-Syarbini; Syamsuddin, Muhammad bin Ahmad al-Khatib, *al-Iqna' fi Halli Alfazi Abi Syuja'*, http://www.almeshkat.net/

al-Syirazi; Abu Ishaq, Ibrahim bin Ali bin Yusuf, *al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafie*, Juz 1, unknown: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

al-Zarkasyi; Syamsuddin, Muhammad bin Abdullah, *Syarh al-Zarkasyi*, Juz 3, Riyadh: Dar al-'Abikan

al-Zuhaili; Wahbah bin Mustofa, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Juz 3, Damsyiq: Dar al-Fikr.